




**UTM**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



**POLISI DAN PROSEDUR  
PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN  
TRANSNASIONAL (TNE)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**



*Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Teknologi Malaysia  
Kampus Johor Bahru  
JOHOR.*

## LAMPIRAN A

Nama Polisi:	Polisi dan Prosedur Pelaksanaan Program Pendidikan Transnasional (TNE) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Nombor Polisi:	UTM P.A
Diluluskan Oleh:	Senat Bil. 1/2018/2019 – 19 September 2018 (Pindaan) Senat Bil. 5/2016-2017 - 16 Januari 2017
Tarikh Kuat kuasa:	19 September 2018
Semakan Terakhir:	19 September 2018 (Semakan semula – dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh ini)

SEKSYEN 1 – PENGENALAN	2
TUJUAN	2
SKOP	2
DEFINISI	2
KONTEKS PERUNDANGAN	3
SEKSYEN 2 – POLISI	4
PRINSIP	4
POLISI	4
SEKSYEN 3 – PROSEDUR	5
PROSEDUR	5
DOKUMEN SOKONGAN	17
SEKSYEN 4 – GOVERNAN/TADBIR URUS	18
TANGGUNGJAWAB	18
KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN	18

## **SEKSYEN 1 – PENGENALAN**

### **TUJUAN**

Polisi ini bertujuan melaksanakan pengurusan program Pendidikan Transnasional (TNE) Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Polisi ini membolehkan UTM menerajui serta menjalankan program akademik dalam pelbagai model di semua peringkat pengajian. Polisi ini juga memberi peluang Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut menentukan kaedah dan bentuk kerjasama pendidikan tinggi trans sempadan di peringkat global samada secara menubuhkan kampus cawangan (*self explore*) dan/atau melalui Institusi Rakan Kongsi.

### **SKOP**

Polisi dan prosedur ini terpakai kepada semua Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain Pusat Tanggung Jawab di UTM dalam melaksanakan program akademik melalui Pendidikan Transnasional (TNE). Polisi dan prosedur ini meliputi kaedah model perlaksanaan TNE secara menubuhkan kampus Cawangan (*self explore*) dan/atau pemilihan Institut Rakan Kongsi (IRK), kelulusan program mengikut Model TNE, Penilaian Risiko, Implikasi Perundangan dan pemantauan serta tanggungjawab bahagian yang terlibat. Meliputi program akademik peringkat pascasiswazah dan prasiswazah.

### **DEFINISI**

<b>Perkataan/ Istilah</b>	<b>Definisi</b>
Senat	erinya badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.
LPU	erinya badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan atau Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan kepada Pihak Berkuasa,badan atau kepada pegawai lain Universiti.
Jawatankuasa Tetap Senat	erinya satu Jawatankuasa yang diwakilkan mana-mana daripada kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya oleh Senat dibawah peruntukan subseksyen 22(7) Perlembagaan UTM bagi menilai dan mengkaji sesuatu cadangan dan mensyorkan untuk kelulusan dan pengesahan Senat.
KPM	erinya Kementerian Pendidikan Malaysia
MQA	erinya entiti yang ditubuhkan pada 1 November 2007. Peranan utama adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQA) sebagai landasan sistem Jaminan Kualiti Pengajaran Tinggi dan titik rujukan kriteria dan Standard Kelayakan Kebangsaan. MQA berperanan sebagai badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.
Pendidikan Transnasional (TNE)	erinya menyediakan akses kepada pelajar untuk belajar ke arah pengajaran dengan kelulusan di luar negara tanpa meninggalkan negara asal mereka. Pembekal Pendidikan Tinggi (UTM) boleh merentasi negara dan sempadan dalam penawaran perkhidmatan akademik melalui kerjasama Institusi Rakan Kongsi (IRK) di luar negara atau inisiatif dari UTM melalui model yang ditentukan.
Institusi Rakan Kongsi (IRK)	erinya Institusi kerjasama dalam penawaran perkhidmatan akademik di luar negara dan dalam negara yang diakliraf oleh Senat Universiti.

## KONTEKS PERUNDANGAN

Polisi ini digubal bagi membolehkan Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ melaksanakan program akademik berasarkan Model TNE yang bersesuaian.

Dalam melaksanakan program akademik tersebut, Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ hendaklah mematuhi dasar serta peruntukan yang sedang terpakai di Universiti, KPT, MQA dan peraturan negara IRK yang terlibat.

Nama	Bahagian/Rujukan
Perlembagaan UTM 2010	Subseksyen 4 (1) – Kuasa Universiti Seksyen 22 - Senat
UTM Internationalisation Policy and Regulation 2018/ Polisi dan Peraturan Pengantarabangsaan UTM - 2018	Keseluruhan dokumen.
Garis Panduan Permohonan Program Akademik Edisi Kedua 2015	Kementerian Pendidikan Malaysia - Keseluruhan dokumen.
Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009 – 2017) Edisi Kedua	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dual Degree – Mesyuarat MQA Bil. 4/2009 pada 22 Mei 2009.</li> <li>ii. Joint Award - Mesyuarat MQA Bil. 4/2009 pada 22 Mei 2009.</li> <li>iii. Penawaran Program Double Degree – Keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM- MQA Bil. 2/2013.</li> <li>iv. Dasar yang berkaitan terhadap Penjaminan Kualiti Akademik untuk pelaksanaan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pekeliling MQA Bil. 1/2016</li> <li>b. Pekeliling MQA Bil. 5/2018</li> </ul> </li> </ul>
Polisi Program Dwi, Dual Ijazah dan Ijazah Bersama Pengajian Siswazah di UTM – 10 Januari 2018	Keseluruhan dokumen.
Peraturan Akademik Program Sarjana Muda Pengajian Sepenuh Masa	Keseluruhan dokumen.
Undang-Undang Negara IRK	

## **SEKSYEN 2 - POLISI**

### **PRINSIP**

- 1.0 UTM komited untuk memastikan program akademik melalui kaedah TNE dilaksanakan oleh Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut/ lain-lain PTJ mematuhi penjaminan kualiti akademik yang ditetapkan. Kaedah ini hendaklah dilaksanakan bagi memastikan kecemerlangan penawaran program akademik merentasi negara dan sempadan serantau. Kepentingan polisi ini juga bagi mengambil tindakan pencegahan awal terhadap risiko pelaksanaan yang melibatkan reputasi UTM, pelaburan sumber kewangan yang tinggi dan sumber pendidikan dan keintelektualan yang tinggi antara UTM dan/atau IRK. Pemilihan IRK juga hendaklah mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.0 UTM komited agar pembelajaran pelajar TNE di negara-negara asing setara dengan pembelajaran di UTM..
- 3.0 UTM komited untuk memastikan pelaksanaan TNE selaras dengan misi, visi serta budaya pengajaran dan pembelajaran UTM.
- 4.0 UTM komited untuk memastikan staf yang terlibat dengan program TNE UTM mempunyai sokongan dan latihan yang sewajarnya bagi menjamin kualiti dan reputasi UTM tidak terjejas.

### **POLISI**

- 1.0 Semua program akademik sedia ada yang dilaksanakan melalui kaedah pendidikan TNE hendaklah mendapat kelulusan dari Senat Universiti.
- 2.0 Pelaksanaan pendidikan TNE hendaklah dibuat secara menukuhan kampus cawangan dan/atau kerjasama bersama IRK yang diluluskan berdasarkan saringan oleh Jawatankuasa TNE dan Senat Universiti.
- 3.0 Program pendidikan TNE yang dilaksanakan mestilah mendapat akreditasi MQA dan lain-lain badan kelayakan atau pengiktirafan di negara IRK.
- 4.0 Pengurusan program pendidikan TNE hendaklah diuruskan bersama oleh Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut/ lain-lain PTJ dan/atau bersama IRK.
- 5.0 Program transnasional hendaklah dibangunkan melalui protokol yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak melalui Perjanjian Pertukaran Antarabangsa yang menyatakan faedah dua hala kepada pihak yang terlibat dalam perjanjian itu.
- 6.0 Instrumentasi pelaksanaan pendidikan TNE dengan IRK hendaklah dilaksanakan melalui perjanjian akademik mengikut tempoh tertentu dan boleh disambung semula.
- 7.0 Kelayakan kemasukan pelajar melalui program pendidikan TNE hendaklah mematuhi syarat yang telah diluluskan oleh Senat Universiti atau yang setara di negara tersebut.
- 8.0 Sokongan perkhidmatan pelajar hendaklah disediakan oleh UTM dan/atau IRK mengikut lokasi di mana pelajar berdaftar.
- 9.0 Penganugerahan pelajar ditentukan oleh Senat Universiti berdasarkan Model TNE yang diluluskan oleh Senat UTM.
10. Urusan pentaksiran pelajar hendaklah mengikut Peraturan Akademik yang diluluskan oleh Senat UTM.
11. IRK bertanggungjawab menamatkan pengajian pelajar terakhir pada penghujung Perjanjian dan selepas mengumumkan notis penamatan perjanjian, tiada ambilan pelajar baharu dibenarkan.
12. Jaminan kualiti akademik di IRK hendaklah dilaksanakan berdasarkan Jaminan Kualiti Akademik UTM.
13. Segala keputusan kerjasama berkaitan dengan perjanjian pembangunan kurikulum, pengajaran dan penyelidikan, mobiliti pelajar dan staf, budaya dan sukan dan projek antarabangsa adalah berlandaskan perlimbangan ke atas kecemerlangan akademik bertaraf global.

14. Bagi pembangunan program akademik pendidikan transnasional, semakan semula ke atas kurikulum dan penilaian kursus-kursus amalan terbaik antarabangsa patut dilaksanakan dalam memastikan bahawa kaedah pengajaran serta kursus-kursus adalah relevan kepada kecemerlangan akademik bertaraf global.
15. Bagi program penyelidikan dan projek penyelidikan, usaha akan dibuat untuk mempermudahkan jalinan hubungan antarabangsa di mana staf Universiti berpeluang bekerja dengan rakan sejawat antarabangsa.
16. Status pelajar berdaftar adalah mengikut Model TNE yang dilaksanakan.

### **SEKSYEN 3 – PROSEDUR**

#### **1.0 MODEL TNE**

Terdapat berbagai mekanisme penyampaian pembelajaran untuk amalan TNE. Berikut adalah jenis dan definisi program atau bentuk pelaksanaan TNE :-

Jenis Program/ Bentuk TNE	Definisi
Artikulasi	<p>Program di mana pelajar di IRK dijamin masuk ke dalam program UTM dengan kelayakan lanjutan. Contoh pengaturan artikulasi bagi program sarjana muda adalah 1 + 3 atau 2 + 2. Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian di IRK selama 1 atau 2 tahun akan memasuki UTM untuk 2 tahun atau 3 tahun lagi untuk kelayakan ijazah UTM. Kurikulum, penilaian program di IRK akan dinilai dan disemak oleh UTM untuk memastikan pengajian di IRK dapat menyediakan asas yang sesuai kepada pelajar agar dapat mencapai kepada penganugerahan ijazah UTM. Gabungan lain adalah dibenarkan. (Tertakluk kepada Peraturan Akademik UTM dan/atau Dasar MQA).</p> <p>Artikulasi melibatkan perpindahan kredit secara vertikal atas dasar kelayakan dan/atau daripada program pengajian yang telah dijalankan terlebih dahulu seperti dipersetujui di dalam perjanjian Artikulasi.</p> <p>IRK bertanggungjawab terhadap pengambilan dan pemilihan pelajar; pendaftaran dan pengawalseliaan pelajar (termasuk aduan dan rayuan prosedur); reka bentuk dan penyampaian program; kualiti pengalaman pembelajaran pelajar; piawaian kredit/anugerah; hal kewangan.</p> <p>UTM bertanggungjawab untuk memastikan piawaian <i>output</i> yang ditetapkan dan dicapai oleh pelajar yang sama dengan yang ditetapkan dan dicapai oleh pelajar UTM mengambil program Universiti di mana kemajuan pelajar artikulasi yang memasuki peringkat yang sama pengajian mereka.</p>
Program Jarak Jauh/ Pesisir/ Program Khas	Program UTM yang disampai dan dinilai sepenuhnya oleh staf UTM, dengan penyampaian pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlaku di luar kampus menggunakan sumber pendidikan program (keseluruhannya atau sebahagiannya) yang disediakan oleh IRK. UTM adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penjaminan kualiti program tersebut.
Francais	UTM bersetuju untuk memberi kuasa pengendalian penyampaian dan sebahagian penilaian bagi program akademik kepada IRK di negara yang lain ( <i>franchisee</i> ). Dengan berbuat demikian, UTM bertanggungjawab sepenuhnya ke atas jaminan kualiti program yang difrancaiskan. Kurikulum yang difrancais hendaklah sama seperti program akademik yang dilaksanakan di UTM.

<b>Dual Ijazah (Dual Degree)</b>	<p><b>Dua anugerah Ijazah</b> daripada <b>bidang yang sama</b> hasil daripada kerjasama UTM dengan satu IRK yang lain. Model ini boleh dijalankan pada masa yang sama. Pelajar hendaklah memenuhi syarat <i>residential year</i> di Institusi yang terlibat.</p> <p>MQA tidak akan mengiktiraf kelayakan kedua yang dianugerahkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) lain bagi program yang sama. Sila rujuk Dasar MQA di dalam Dual Degree (<b>Lampiran 1 – Bil. 7</b>).</p>
<b>Ijazah Bersama (Joint Award/ Degree)</b>	<p><b>Satu anugerah ijazah bersama</b> hasil kerjasama UTM dengan satu atau lebih IRK. Dalam model kerjasama ini, setiap institusi menyumbang sebahagian daripada urusan pengendalian program yang telah dipersetujui oleh semua institusi yang terlibat.</p> <p>Penganugerahan bersama (<i>joint award</i>) antara UTM dibenarkan dengan syarat-syarat berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemilikan/ Pembangunan kurikulum hendaklah di antara institusi yang bekerjasama;</li> <li>ii. Skrol program <i>joint award</i> hendaklah ditandatangani oleh institusi yang bekerjasama sebagai tanda pemilikan kelayakan dan tanggungjawab kualiti;</li> <li>iii. Penawaran <i>joint award</i> hanya dibenarkan untuk program peringkat ijazah sarjana muda dan peringkat yang lebih tinggi;</li> <li>iv. <i>Joint award</i> hanya dibenarkan ke atas institusi yang boleh menganugerahkan kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda (<i>degree granting institution</i>) yang setara (<i>equal standing institution</i>);</li> <li>v. Institusi yang bekerjasama hendaklah mempunyai staf akademik yang berkelayakan, berpengetahuan serta profesionalisme yang setara antara satu sama lain;</li> <li>vi. UTM yang terlibat dalam program <i>joint award</i> hendaklah mempunyai sistem jaminan kualiti dalam yang mantap; dan</li> <li>vii. Program <i>joint award</i> tersebut hendaklah mencapai Akreditasi dan/atau memenuhi tahap jaminan kualiti yang baik di institusi masing-masing.</li> </ul> <p>Sila rujuk Dasar MQA di dalam <i>Joint Award</i>. (<b>Lampiran 1 – Bil. 8</b>).</p>
<b>Dwi Ijazah (Double Degree)</b>	<p><b>Dua anugerah Ijazah</b> daripada dua <b>bidang/ fakulti yang berbeza</b> hasil daripada kerjasama UTM dengan satu IRK yang lain.</p> <p>Sila rujuk Dasar MQA di dalam <i>Double Degree</i>. (<b>Lampiran 1 – Bil. 9</b>).</p>
<b>Pertukaran dan Mobiliti Pelajar</b>	<p>Model di mana pelajar UTM boleh menjalankan suatu tempoh pengajian di IRK dan/atau pelajar IRK boleh menjalankan suatu tempoh pengajian di UTM. Ini melibatkan perjanjian pertukaran <b>dua hala</b> (UTM menghantar pelajar keluar ke IRK dan IRK yang sama menghantar pelajar ke UTM) atau hanya <b>satu hala</b> (UTM sama ada menerima atau menghantar pelajar). Berdasarkan kepada kurikulum program akademik yang telah ditetapkan, pelajar boleh/layak mendapat kredit pindah terhadap pengajian mereka atau IRK lain boleh mengiktiraf kredit pelajar.</p> <p>Sila rujuk Polisi dan Peraturan Pengantarabangsaan UTM Pindaan 2018.</p>

Kampus Cawangan	Salu kampus ditubuhkan oleh UTM di negara lain ( <i>host country</i> ) bagi tujuan penawaran pengajian program/kelayakan sendiri tanpa mengira asal pelajar. Proses bentuk TNE ini adalah sama dengan <i>français</i> , tetapi <i>franchisee</i> adalah kampus <i>franchiser</i> . Sila rujuk Dasar MQA di dalam kampus cawangan. ( <b>Lampiran 1 – Bil. 10</b> ).
Validasi	UTM akan melaksanakan validasi terhadap program yang telah dibangunkan di IRK. Rekabentuk kurikulum dan penyampaian program adalah tanggungjawab IRK. Pelajar adalah pelajar berdaftar di IRK.
Kerjasama Hibrid	Pengaturan kerjasama hibrid boleh melibatkan gabungan dua atau lebih model/ bentuk di atas.

## 2.0 PEMILIHAN RAKAN KONGSI (IRK)/ KERJASAMA

- 2.1 Dalam penyediaan perkhidmatan pendidikan transnasional, proses pemilihan rakan kongsi hendaklah telus demi untuk menjaga reputasi UTM. Sebelum pemilihan rakan kongsi, usaha wajar penilaian yang rapi oleh UTM ke atas IRK yang dicadangkan dilaksanakan oleh UTM sebelum persetujuan kesemua pihak dicapai. Antara aspek penilaian adalah kedudukan kewangan, kelayakan akreditasi dan reputasi IRK berdasarkan piawaian MQA sebagai pemberi pendidikan selaras dengan pernyataan Polisi TNE UTM.
- 2.2 Bagi Model TNE yang melibatkan sumber pendidikan UTM yang ketara, sebuah Jawatankuasa Pendidikan Transnasional (TNE) dibentuk untuk menyemak keupayaan serta membuat saringan terhadap permohonan dan penentuan pemilihan IRK dari segi Model Bisnes serta Kelestarian dan program, memenuhi prinsip TNE (UTM) dan menyemak risiko pelaksanaan.
- 2.3 Bagi IRK luar yang berminat menjadi rakan kongsi UTM hendaklah mempunyai kriteria berikut :-
- i. IRK yang terkemuka di negara sendiri.
  - ii. IRK yang setaraf atau setara dengan UTM.
  - iii. IRK yang dari segi sejarah atau geografi telah menjalin hubungan yang rapat dengan UTM.
  - iv. Mendapat kelulusan Panel MoU/JPU/LPU Universiti.
  - v. Melepas Lawatan Validasi berdasarkan Audit Pematuhan MQA.
  - vi. Hendaklah mendapat pengiktirafan agensi negara tersebut (sekiranya berkaitan).
  - vii. Berdasarkan kewangan IRK pusat kerjasama hendaklah mematuhi kriteria ;
    - a. Rekod akaun yang kukuh menerusi akaun yang telah diaudit untuk tempoh dua (2) tahun.
    - b. Telah beroperasi sekurang-kurangnya dua (2) tahun.
    - c. Perancangan perniagaan lima (5) tahun yang mengandungi unjuran pengambilan, enrolmen pengambilan staf dan sumber pendidikan.
    - d. Perkara berkaitan penjaminan kualiti ditanggung oleh IRK (pusat kerjasama berkaitan).

## **2.4 Implikasi**

- i. **Staf**
  - a. Menggunakan sumber sedia ada UTM.
  - b. IRK bertanggungjawab menyediakan sumber manusia bagi menguruskan program akademik.
  - c. Latihan akan diberi kepada staf IRK oleh UTM.

- ii. **Kewangan**

- a. Model kewangan adalah ditetapkan oleh Pejabat Bendahari.

- iii. **Implikasi Fizikal**

IRK hendaklah menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan seperti piawaian yang ditetapkan.

## **2.5 Proses Kerja Pemilihan IRK**

Proses kerja pemilihan IRK seperti Lampiran 2(a).

## **3.0 KELULUSAN PROGRAM PENDIDIKAN TRANSNASIONAL (TNE)**

### **3.1 Prosedur dan kelulusan**

- 3.1.1 Fakulti/Sekolah/Pusat/Akademi/Institut dan lain-lain PTJ tanggungjawab hendaklah mematuhi prosedur dan kelulusan untuk melaksanakan pendidikan transnasional seperti mana yang disediakan oleh pihak Universiti. Prosedur permohonan meliputi pusat tanggungjawab dan proses.

- 3.1.2 Proses kerja kelulusan TNE UTM seperti Lampiran 2(b).

### **3.2 Senarai Semak**

Bagi memastikan penjaminan kualiti dalam perlaksanaan program pendidikan transnasional Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ hendaklah melengkapkan borang senarai semak (Lampiran 3) yang meliputi;

- 3.2.1 Kurikulum program akademik

- 3.2.2 Sumber Pendidikan

- 3.2.3 Penilaian Pelajar

- 3.2.4 Khidmat Sokongan Pelajar

- 3.2.5 Kewangan dan Perundangan

- 3.2.6 *Expression of interest and initial risk assessment – Lampiran 4*

- 3.2.7 *Documents and Data Needed for Validation prior visit. – Lampiran 5.*

### **3.3 Standard perlaksanaan program transnasional**

- 3.3.1 Penawaran sebahagian atau sepenuhnya program di luar negara dan juga penawaran program akademik baharu atau program akademik sedia ada, Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ bertanggungjawab mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Senat Universiti melalui model yang dipilih di perkara 1.0 Seksyen 3.
- i. (Permohonan kelulusan program mengikut piawaian yang ditetapkan oleh QRiM) (Lampiran 6 – Panduan Jaminan Kualiti UTM – kelulusan Senat 26 Julai 2018).
  - ii. Memenuhi Dasar Umum yang ditetapkan oleh MQA seperti yang dinyatakan dalam surat Makluman MQA Bil. 5/2018 (Lampiran 7) Status dan Kriteria Pemberi Pendidikan Tinggi Malaysia Serta Pendekatan Proses Jaminan Kualiti Agensi Kelayakan Malaysia.

### **3.3.2 Instrumen Pendidikan Transnasional**

- i. Perjanjian

Satu Perjanjian antara UTM dengan IRK dan satu Perjanjian MoA antara Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ dengan Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dari IRK (Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut – IRK) dalam bidang tertentu.

- ii. Skop Perjanjian

Perjanjian Pertukaran Antarabangsa meliputi program mobiliti pelajar dan staf, pengurusan program akademik, kerjasama penyelidikan, komitmen kewangan dan aktiviti budaya dan sukan.

### **3.4 Program Khas Bersama IRK Dalam dan Luar Negara**

Pelaksanaan program khas.

- i. Menyediakan kertas kerja permohonan mengikut format dan proses kerja yang ditetapkan seperti perkara 3.3.1.
- ii. Mendapat kelulusan Senat Universiti.
- iii. Mendapat persetujuan dengan IRK berkaitan.
- iv. Mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTM dengan IRK/pusat kerjasama yang terlibat.
- v. Mengadakan Memorandum Perjanjian (MoA) antara Fakulti/Sekolah/Pusat Akademik dengan IRK/pusat kerjasama yang terlibat.

### **3.5 Kerjasama Dengan IRK Dalam dan Luar Negara**

Program dilaksanakan secara kerjasama mengikut model yang dipilih di perkara 1.0 Seksyen 3 dengan IRK/pusat kerjasama di dalam dan luar negara.

#### **3.5.1 Dasar dan Tanggungjawab**

- i. Mendapat kelulusan Senat Universiti.
- ii. Memenuhi Audit Pematuhan MQA Bil. 1/2016 (LAMPIRAN 8)/Audit Dalaman UTM (QRiM) dan Penilaian Audit Lokasi/Permis Luar Untuk Penawaran Program Akademik Di Lokasi/Permis Luar Kampus Induk KPM (Lampiran 9).

- iii. Menjalankan program akademik sedia ada dengan persetujuan Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ.
- iv. Mengadakan perjanjian untuk tempoh yang dipersetujui dan setiap perjanjian yang telah tamat boleh diperbaharui berdasarkan prestasi institusi tersebut.
- v. Kawalan dan jaminan kualiti akademik adalah di bawah tanggungjawab UTM.
- vi. Menggunakan peraturan akademik yang ditetapkan oleh Universiti dengan penyelarasan IRK berkaitan yang sesuai dan mengambil kira kedua-dua belah pihak.
- vii. Penetapan yuran dan implikasi kewangan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Bendahari UTM.
- viii. Syarat kemasukan ke program berdasarkan Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program yang telah diluluskan oleh Senat Universiti.
- ix. Dijalankan secara sepenuh masa.
- x. Status pelajar berdaftar IRK pusat kerjasama mengikut Model TNE yang dipilih.
- xi. Bagi program pascasiswazah boleh dilaksanakan di peringkat Sarjana/Doktor Falsafah secara penyelidikan, kerja kursus dan kerja kursus dan penyelidikan.

### **3.5.2 Tanggungjawab**

- i. Program akademik yang ditawarkan melibatkan tiga pihak iaitu pusat program kerjasama (UTMSPACE), Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan IRK .
- ii. Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut adalah bertanggungjawab menyediakan program dan proses pengajaran & pembelajaran antaranya :-
  - a. Penyediaan kurikulum dan silibus.
  - b. Proses penilaian.
  - c. Pengesahan keputusan peperiksaan.
  - d. Pemantauan kualiti program.

## **4.0 PENILAIAN RISIKO**

Pelaksanaan program TNE ke luar negara hendaklah didaftarkan menggunakan Borang Daftar Risiko UTM.QRIM/PR2/ Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ - (Lampiran (2c). Daftar Risiko bertujuan untuk mengenal pasti risiko-risiko yang wujud seterusnya dianalisis dan dinilai untuk menentukan profil risiko sebelum kelulusan terhadap program TNE berkaitan diluluskan oleh UTM. Rujuk perkara 3.2.6 dan 3.2.7.

## **5.0 IMPLIKASI PERUNDANGAN**

- 5.1 Pelaksanaan TNE ini hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Senat UTM, KPM, MQA dan peruntukan lain yang ditetapkan dari masa ke semasa.
- 5.2 Aktiviti hendaklah disemak semula dalam tempoh yang ditetapkan antara UTM dan iRK.
- 5.3 Dilaksanakan secara beretika dan integriti.
- 5.4 Boleh ditamatkan berdasarkan peruntukan dalam Perjanjian.

## **6.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

### **6.1 Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut/ UTMSPACE**

- i. Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ bertanggungjawab untuk memilih Model TNE yang dilaksanakan.
- ii. Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ bertanggungjawab untuk memilih IRK yang diiktiraf oleh Senat Universiti.
- iii. Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ bertanggungjawab terhadap program akademik yang ditawarkan bagi pengekalan penjaminan kualiti dan pengiktirafan badan profesional dipatuhi.
- iv. Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ bertanggungjawab memastikan program akademik dilaksanakan berdasarkan kemampuan peruntukan sumber UTM.
- v. Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ bertanggungjawab memastikan program akademik mempunyai daya saing dan kelestarian yang mampan.
- vi. Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademi/ Institut dan lain-lain PTJ Bertanggungjawab memastikan program akademik berupaya untuk menjana pendapatan kepada UTM.
- vii. Bertanggungjawab memastikan kelancaran pelaksanaan program akademik, Fakulti/ Sekolah/ Pusat/ Akademik/ Institut memastikan prosedur dipatuhi.
- viii. Bertanggungjawab menyediakan kertas kerja permohonan. Format mengikut prosedur yang ditetapkan.
- ix. Bertanggungjawab menyediakan unjuran pelajar.
- x. Bertanggungjawab mengadakan Perjanjian Persefahaman dan Perjanjian Akademik program kerjasama dengan IRK.
- xi. Bertanggungjawab mengesahkan pengambilan calon pelajar mengikut syarat yang ditetapkan.
- xii. Bertanggungjawab menyediakan Sistem Pengurusan Rekod Akademik Pelajar.
- xiii. Bertanggungjawab menyediakan perjanjian kerjasama dengan IRK untuk kelulusan Universiti.

### **6.2 Tanggungjawab IRK**

- i. IRK bertanggungjawab menyediakan sumber pendidikan yang mencukupi.
- ii. IRK bertanggungjawab menetapkan program akademik mendapat akreditasi negara IRK.
- iii. IRK yang menawarkan program profesional bertanggungjawab memenuhi syarat dari Badan Profesional Malaysia.
- iv. Bertanggungjawab memastikan kelancaran perlaksanaan program akademik mematuhi prosedur yang ditetapkan.

### **6.3 Tanggungjawab UTMSPACE**

- i. Menyelaras pelaksanaan program akademik bersama fakulti/sekolah/pusat/akademi/institut dan lain-lain PTJ dengan IRK.
- ii. Melaksanakan perancangan, pelaksanaan program TNE.
- iii. Urus Setia Bersama Mesyuarat Jawatankuasa Transnasional Pendidikan UTM.

#### **6.4 UTM International**

- i. Bertanggungjawab memacu dari segi pengurusan pengantarabangsaan.
- ii. Melaksanakan peraturan bagi mementerai perjanjian antarabangsa.
- iii. Menguruskan kertas laporan perjanjian untuk kelulusan LPU Universiti.
- iv. Menjadi Urus Setia Bersama Mesyuarat Jawatankuasa Transnasional Pendidikan UTM.

#### **6.5 Tanggungjawab Bahagian Lain**

- i. Bahagian Rekrutmen dan Kemasukan Mahasiswa (SRAD)
  - a. Membantu pemasaran program dan kemasukan pelajar.
  - b. Memberi khidmat nasihat berkaitan dengan penawaran program akademik.
  - c. Menawarkan program khas sekiranya berkaitan.
- ii. Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)
  - a. Menguruskan rekod dan penganugerahan pelajar.
  - b. Urusetia Bersama Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Peperiksaan dan Pengijazahan.
  - c. Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Kurikulum dan Kualiti Akademik .
  - d. Urus Setia Menguruskan transkrip dan ijazah pelajar.
  - e. Membantu menyediakan laporan Senat.
- iii.. Pusat Inovasi dan Pembangunan Kurikulum (CIDU)
  - a. Sebagai pusat untuk memastikan perlaksanaan program akademik mengikut peraturan.
  - b. Urus Setia Jawatankuasa Kurikulum Universiti program akademik prasiswazah dan pascasiswazah.
- iv. Sekolah Pengajian Siswazah
  - a. Sebagai pusat untuk memastikan perlaksanaan program di IRK luar negara mematuhi peraturan UTM bagi program pasca siswazah.
- v. Pejabat Pengajian Prasiswazah
  - a. Sebagai pusat untuk memastikan kualiti program di IRK luar negara mematuhi peraturan UTM bagi program prasiswazah.
- vi. Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (QRiM)
  - a. Memantau dan penjaminan kualiti pengajaran & pembelajaran.
  - b. Membantu dalam pengurusan risiko pelaksanaan program.
  - c. Memberi penasihatuan berkaitan dengan dasar berkaitan TNE sedia ada.

- viii. UTMLead
- Mengadakan bengkel berkaitan Pengajaran & Pembelajaran.
  - Memberi latihan kepada staf UTM dan IRK.
- ix. Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT)
- Membantu penyeliaan dan khidmat perundingan berkaitan pembangunan sistem pengurusan rekod pelajar.
- x. Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP)
- Menyediakan bantuan sokongan perkhidmatan (Kolej kediarian, sukan dan rekreasi, kaunseling, kesihatan).
  - Memastikan kesejahteraan, kebajikan dan disiplin pelajar.
- xi. Bendahari
- Khidmat nasihat berhubung kewangan bagi program TNE bagi memastikan kelestarian program akademik tercapai.
  - Menentukan model bisnes yang bersesuaian.
- xii. Pejabat Penasihat Undang-Undang
- Memberi nasihat kepada Fakulti/ Sekolah/Akademi/Institut dan lain-lain PTJ berkaitan dengan perundangan Universiti.
  - Menyemak dan memastikan dokumen perjanjian dan implikasi perundangan antara UTM dan IRK.
- xiii. Pejabat Pendaftar
- Menguruskan urusan peminjaman staf mengikut terma yang berkaitan.
  - Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan berkaitan peminjaman staf. Rujuk Proses Kerja Peminjaman Staf (Keluar).
  - Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Dasar dan Entiti Akademik.
- xiv. Jawatankuasa TNE
- Jawatankuasa ini berperanan :-
- Menyemak serta membuat saringan terhadap permohonan dan penentuan pemilihan IRK :-
    - Model Bisnes.
    - Kelestarian program akademik.
  - Memenuhi prinsip TNE (UTM).
  - Risiko pelaksanaan.

d. Keahlian :

Pengerusi – Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Pengerusi (Gantian) -

Ahli :-

1. Pro-Naib Canselor (Antarabangsa), UTM International
2. Bendahari UTM
3. Pengarah Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (QRiM)
4. Pengarah Transnasional Education (TNE) – UTMSPACE
5. Penolong Dekan (Pendidikan Berterusan dan Transnasional) – Fakulti
6. Dekan SPACE
7. Pengurus Besar (Kewangan) UTMSPACE
8. Timbalan Pengerusi (Program Pesisir dan Khas) Sekolah Pengajian Siswazah
9. Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
10. Pegawai Undang-Undang Universiti
11. Wakil Senat

Urusetia :-

1. UTM International/UTMSPACE

xv. Jawatankuasa Kurikulum Universiti (JKKU)

- a. Membantu JKTS Kurikulum dan Kualiti Akademik membuat semakan dan perakuan cadangan.
- b. Memantau, merancang dan melaksana aktiviti penambahbaikan kurikulum dari semasa ke semasa.
- c. Merancang dan memantau semakan kurikulum bagi semua program yang ditawarkan.
- d. Membantu fakulti/unit merangka kurikulum program prasiswazah dan pascasiswazah relevan dengan keperluan negara.
- e. Menyelaras keperluan kursus umum Universiti dalam kurikulum.
- f. Memberi cadangan, menyemak dan memurnikan permohonan kurikulum baharu dari fakulti/unit sebelum dibawa ke Mesyuarat JKTS Kurikulum dan Kualiti Akademik.
- g. Menyemak perubahan dan pindaan kurikulum sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat JKTS Kurikulum dan Kualiti Akademik.
- h. Menyemak kandungan berdasarkan format terkini mengikut format MSA dan JKPT.
- i. Membantu Universiti dalam merekabentuk dan melaksana kurikulum berdasarkan Inovasi Pembelajaran Akademia Baharu dan selaras dengan keperluan Pembelajaran Abad ke-21 menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM (PT)) 2015-2025.

- xvi. JKTS Kurikulum dan Kualiti Akademik (JKTS KKA)
- a. Untuk menilai dan mengesyorkan hal berkaitan pembangunan, penawaran program baharu dan semakan kurikulum sedia ada;
  - b. Untuk memantau kaedah pengajaran, pembelajaran dan penyeliaan;
  - c. Untuk menyelaras perancangan pelaksanaan aktiviti berkaitan dengan jaminan kualiti akademik;
  - d. Untuk memantau perancangan dan pelaksanaan semua program akademik yang ditawarkan oleh UTM untuk semua peringkat dan mod pengajian;
  - e. Untuk memantau perancangan dan pelaksanaan pembangunan profesional dan pembelajaran sepanjang hayat;
  - f. Untuk menyemak perancangan dan memantau penyampaian dan pencapaian hasil pembelajaran program akademik;
  - g. Untuk memastikan program akademik mematuhi standard kualiti yang ditetapkan oleh Universiti, badan akreditasi, badan profesional dan agensi pengiktirafan kelayakan;
  - h. Untuk memantau dan mencadangkan tindakan penambahbaikan berasaskan hasil; audit;
  - i. Untuk mengesyorkan unjuran pengambilan mahasiswa bagi setiap tahun akademik berdasarkan keperluan negara dan potensi keperluan antarabangsa;
  - j. Untuk memantau kesan pelaksanaan dasar berkaitan pengambilan mahasiswa dan mengesyorkan penambahbaikan jika perlu;
  - k. Untuk mengiktiraf kesetaraan kelayakan masuk;
  - l. Untuk memantau laporan kajian pengesahan graduan;
  - m. Untuk memantau keberkesanan proses penyampaian kaedah pengajaran dan pembelajaran;
  - n. Untuk mengesyorkan dan memantau sistem sokongan akademik;
  - o. Untuk merancang dan mengesyorkan Kalender Akademik;
  - p. Untuk melaksanakan saringan awal bagi program baharu peringkat Sijil, Diploma Eksekutif, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah dan program Francais serta Pesisir;
  - q. Untuk menilai program akademik sedia ada yang tidak lagi relevan kepada Negara dan industri, tidak berdaya maju serta tidak mendapat sambutan, perlu dijumudkan, dibekukan dan seterusnya dilupuskan;
  - r. Menyedia atau menyemak Peraturan Akademik.
  - s. Untuk menubuhkan, sekiranya perlu, Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji secara terperinci berkaitan dengan terma rujukan JKTS dan pelaksanaan fungsinya.
- xvii. JKTS Peperiksaan dan Pengijazahan (JKTS (P&P)
- a. Untuk memperaku dan meluluskan keputusan peperiksaan semua mahasiswa yang mengikuti program akademik yang ditawarkan oleh UTM untuk semua peringkat dan mod pengajian berteraskan dasar yang telah ditetapkan;
  - b. Untuk memperaku dan meluluskan kriteria bagi semua anugerah dan hadiah akademik;

- c. Untuk mengesyorkan penerima hadiah akademik berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan;
- d. Untuk mempertimbang dan mengesyorkan penerima Ijazah Kehormat;
- e. Untuk mengesyorkan tindakan untuk kes salah laku dan penyelewengan akademik yang berkaitan dengan peperiksaan;
- f. Untuk menyediakan laporan keputusan peperiksaan;
- g. Untuk membawa kes akademik kepada Senat berkaitan peperiksaan dan pengijazahan yang di luar bidang kuasa JKTS

xviii. JKTS Dasar dan Entiti Akademik (JKTS DEA)

- a. Untuk membantu Senat Universiti dalam hal ehwal
  - penggubalan dasar dan peraturan berkaitan dengan akademik, penyelidikan dan inovasi serta pembangunan pelajar;
  - penggubalan dasar penubuhan, pembubaran atau pengstruktur semula (penggabungan, pengembangan) entiti berkaitan dengan akademik, penyelidikan dan inovasi serta pembangunan pelajar;
- b. Menubuhkan, sekiranya perlu, Jawatankuasa Kerja untuk mengkaji secara terperinci berkaitan dengan terma rujukan semua JKTS dan pelaksanaan fungsinya.
- c. Untuk membantu pihak pengurusan Universiti dalam hal ehwal berkaitan Pembelajaran, Pengajaran dan Penyeliaan di peringkat Diploma, Pra-siswazah dan Pasca-siswazah meliputi;
  - menggubal dasar pengambilan dan pengekalan mahasiswa
  - menggubal dasar pengekodan entiti akademik, program, kursus dan identifikasi mahasiswa
  - menggubal dasar bagi melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional
  - menggubal dasar jaminan integriti akademik
  - menilai dan mengesyorkan Kod Amalan Jaminan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran;
  - menilai dan mengesorkan permohonan baharu, penyambungan semula dan penamatan pusat kerjasama
- d. Untuk membantu pihak pengurusan Universiti dalam hal ehwal berkaitan Penyelidikan dan Inovasi meliputi;
  - menggubal dasar pengagihan geran penyelidikan
  - menggubal dasar bidang tujuan penyelidikan
  - menggubal dasar penerbitan
  - menggubal dasar inovasi, pengkomersilan dan harta intelek
- e. Untuk membantu pihak pengurusan Universiti dalam hal ehwal berkaitan Pembangunan Mahasiswa meliputi;
  - menggubal dasar pembangunan pelajar
  - menggubal dasar penglibatan pelajar dan lain-lain pihak berkepentingan dalam aktiviti pembangunan akademik
  - menggubal dasar penajaan biasiswa UTM

## DOKUMEN SOKONGAN

### Dokumen dan Pengurusan Rekod

Bil.	Dokumen	Lokasi
1.	Peraturan Akademik Pengajian Pascasiswazah	Sekolah Pengajian Siswazah
2.	Peraturan Akademik Ijazah Sarjana Muda	Pejabat Pengajian Prasiswazah
3.	Peraturan Akademik Program Kerjasama	UTMSPACE
4.	Tatacara Jaminan Kualiti Akademik UTM – Senat 26 Julai 2018.	QRiM
